

BERITA

Mercy Relief beri sumbangan besar sejak ditubuhkan 20 tahun lalu: DPM Heng

Badan kemanusiaan setempat, Mercy Relief, telah menjalankan 92 operasi bantuan merentasi 27 negara, mengagihkan lebih daripada \$46.1 juta dan mengendalikan 76 projek pasca bencana, selama 20 tahun sejak ia ditubuhkan pada 2003.

Sepanjang dua dekad, Mercy Relief telah menyediakan wadah bagi Singapura dan rakyatnya untuk menyumbang kepada mangsa yang terjejas oleh bencana alam.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Penyelaras bagi Dasar Ekonomi, Encik Heng Swee Keat, berkata semasa sambutan ulang tahun ke-20 Mercy Relief pada Selasa (28 Nov) malam, "Melalui badan kemanusiaan seperti Mercy Relief, kita sebenarnya boleh membina perpaduan. Apabila bencana melanda, ia menyatukan pelbagai masyarakat bersama untuk membantu mangsa yang menderita".

Setahun selepas pembentukannya, Mercy Relief telah diuji pada *Boxing Day* apabila tsunami Lautan India melanda dan meragut 250,000 nyawa serta menyebabkan dua juta orang kehilangan tempat tinggal.

Sebanyak 17 misi bantuan perubahan yang melibatkan 120 sukarelawan sepanjang tempoh empat bulan telah dijalankan untuk membantu



ENCIK HENG SWEET KEAT: Sanjungi sumbangan Mercy Relief. – Foto ST

mereka yang terselamat di Aceh, Sri Lanka dan Thailand.

Dengan globalisasi, berita tentang bencana boleh tersebar beberapa saat sahaja. Ia menjadi lebih mudah untuk menggerakkan usaha nasional dan serantau serta tindak balas kemanusiaan global.

Mengenai hal ini, Encik Heng berkata: "Selama lebih daripada 15 tahun, Mercy Relief telah juga memberi bantuan kemanusiaan kepada Gaza. Ia sedang dalam perbincangan bersama Yayasan Rahmatan Lil Alamin (RLAF) dan masjid-masjid untuk mengutip derma bagi konflik yang sedang berlaku".

Pengerusi Mercy Relief, Encik Satwant Singh, berkata: "Ketika kita mengharungi pergeseran koridor kemanusiaan dan cabaran bencana alam dan konflik, peranan kita menjadi lebih penting..."

"Sikap berkecuali dan prin-

sip tidak berat sebelah diuji setiap hari, tetapi kami berpendirian tegas dalam komitmen kami untuk berkhidmat dengan penuh integriti dan empati."

Menurut kenyataan yang dikeluarkan Mercy Relief pada Selasa, pencapaiannya sepanjang dua dekad ini termasuk memastikan bekalan bantuan penting dapat dikerahkan kepada kawasan yang dilanda bencana dalam tempoh 72 jam pertama yang kritikal.

Ia telah bekerjasama dengan rakan kongsi tempatan dan antarabangsa untuk menjamin pendekatan komprehensif untuk pemulihan bencana dan pembinaan semula komuniti.

Ia juga berjaya mengerahkan ribuan sukarelawan, pendema, dan penyokong untuk membantu mereka yang menghadapi kesusahan.

Sempena sambutan ulang tahunnya, Mercy Relief menegaskan semula komitmennya kepada rantau Asia Pasifik.

Visinya untuk masa hadapan termasuk meluaskan jangkauannya dan mencipta bantuan bencana yang berkesan dan penyelesaian mampan dengan menyepadukan teknologi, data dan penyelidikan baharu.

Usaha ini amat penting bagi Mercy Relief untuk menangani masalah rumit yang dihadapi oleh masyarakat yang terjejas.

Percubaan TTSH, Institut Neurosains, beri harapan pesakit lumpuh kembali 'berjalan'

KEMBALI BERJALAN: Dua pesakit lumpuh, Encik Sam Subian dan Encik Asyraf Ghazali (dua dan tiga dari kiri), kini boleh 'berjalan' dengan penyeliaan selepas jalani satu percubaan oleh Hospital Tan Tock Seng dan Institut Neurosains Kebangsaan. – Foto BH oleh SHAFIQ APANDI



HARITH MUSTAFFA
harithr@sph.com.sg

Dua lelaki lumpuh dari bawah dada sejak sekurang-kurangnya lima tahun lalu dek kemalangan, kini berupaya 'berjalan' selepas menjalani satu percubaan bimatlamat mengembalikan fungsi pergerakan kepada pesakit yang hilang sepenuhnya fungsi pergerakan ekoran kecederaan pada kord tulang belakang (SCI).

Encik Sam Subian, 49 tahun, dan Encik Asyraf Ghazali, 28 tahun, telah menyertai percubaan dijalankan bersama Institut Neurosains Kebangsaan (NNI), Hospital Tan Tock Seng (TTSH) dan Agensi bagi Sains, Teknologi dan Penyelidikan (A * STAR) itu sejak awal tahun ini.

Kini, mereka berupaya menggerakkan jari kaki, buku lali, serta bangun dari kerusi dan berjalan dengan penyeliaan dengan bantuan satu implan yang dipasang di tulang belakang. Percubaan dinamakan Pemulihan Fungsi Rehabilitasi menerusi Perangsang Epidural Tulang Belakang atau 'Restores', mula merekrut peserta sejak Disember 2022.

Ia melibatkan penggunaan sejenis alat elektrod – atau pengalir elektrik – yang dipasang di permukaan tulang belakang peserta menerusi pembedahan yang kemudian diikuti rawatan

pemulihan berlangsung beberapa bulan.

Saiz alat itu, persis jari kecil, berfungsi memberangsangkan isyarat daripada otak dan menyalurkankannya kepada kord tulang belakang pesakit supaya mereka dapat menggerakkan bahagian tubuh yang hilang keupayaan itu.

Hasil fasa pertama percubaan itu – yang disokong geran Majlis Kajian Perubahan Nasional (NMRC) dan Program Inovasi Kesihatan Ng Teng Fong – diumumkan satu pasukan terdiri daripada pakar TTSH, NNI dan A * STAR dalam satu sidang akhbar pada Selasa.

Encik Asyraf, peserta kedua percubaan itu, yang lumpuh selama lima tahun, mula berjalan dengan bantuan penyeliaan pada Ogos.

Peserta pertama, Encik Sam, yang lumpuh selama enam tahun selepas terjatuh ketika mengendalikan seekor kuda, menyertai percubaan itu pada Disember 2022 dan mula berjalan dengan penyeliaan pada September 2023.

Percubaan Restores itu melibatkan peserta yang diklasifikasikan grad Asia 'A' iaitu pesakit yang mengalami kehilangan keupayaan dan deria di bawah bahagian tubuh yang mengalami kecederaan.

Percubaan itu bermula dengan proses pra-habilitasi – pesakit diperlukan jalani terapi dua kali seminggu dalam tempoh sebulan melibatkan kati bantuan pergerakan atau 'exoskeleton', dan fisioterapi.

Kemudian pesakit akan jalani pembedah-

an bagi memasukkan alat elektrod itu di tulang belakang mereka.

Selepas berehat sebulan pasca pembedahan, pesakit akan jalani latihan pemulihan pergerakan sekitar lima hingga tujuh bulan, melibatkan latihan menguatkan otot, pergerakan asas seperti duduk dan berdiri, dan berjalan.

Semasa menjalankan latihan pemulihan itu, para doktor akan hidupkan alat elektrod itu menerusi satu peranti digital berbentuk tablet, yang boleh mengubah kuasa alat itu menurut kesesuaian pesakit berdasarkan tugas atau pergerakan yang hendak dilakukan mereka.

Sedang itu berlaku, peranti itu akan menjejak pergerakan peserta menerusi kaedah komputer dan akan mempertingkatkan lagi kaedah itu menerusi teknologi kecerdasan buatan atau AI.

Dr Wan Kai Rui, penyelidik utama percubaan Restores berkata, matlamat lanjut pasukannya adalah untuk berusaha mencapai pemulihan deria dan beliau sedang bekerjasama dengan beberapa rakan industri untuk berbuat demikian.

"Pada tahap ini kami telah mencapai pemulihan pergerakan, namun pemulihan deria juga penting sebab meskipun mereka (peserta) boleh berjalan, ia tidak selamat sepenuhnya bagi mereka kerana mereka tidak berupaya rasa lantai dan permukaannya semasa berjalan," katanya.

Wanita hamil antara 71 diberkas atas kesalahan dadah



DIRAMPAS: Dadah terkawal, termasuk heroin, dirampas di sekitar Redhill Close sewaktu operasi serbuan CNB yang dijalankan pada 20 November 2023. – Foto CNB

FAKHRURAZDI ISMAIL
mfismail@sph.com.sg

Seramai 71 orang telah diberkas atas kesalahan dadah dalam operasi antidadah seluruh negara yang dijalankan Biro Narkotik Pusat (CNB) baru-baru ini. Antara mereka yang diberkas termasuk seorang wanita hamil berusia 29 tahun dan seorang lelaki berusia 18 tahun.

Sekitar 881 gram heroin, 193g dadah jenis 'ice', 137g ganja, satu tablet pil Erimin-5, dan wang tunai berjumlah \$22,580.15 telah dirampas. Dadah terkawal yang dirampas mempunyai anggaran nilai sekitar \$157,000.

Dalam kenyataannya pada Selasa, CNB berkata operasi yang dijalankan dari 19 hingga 23 November 2023 itu meliputi beberapa kawasan perumahan, termasuk Ang Mo Kio, Bukit Batok, Kallang dan Punggol.

Dalam catatan beliau di Facebook, Menteri Negara (Ehwal Dalam Negeri) merangkap Pembangunan Negara, Profesor Madya Dr Muhammad Faishal Ibrahim, berkata siasatan terhadap wanita hamil itu mendapati suspek telah mengambil dadah ketika beliau sedang mengandung.

Dr Faishal berkongsi bahawa wanita itu kembali mengambil dadah jenis 'ice' semasa hamil empat bulan pada Julai.

Wanita itu turut mengaku bahawa dia telah mengambil dadah itu setiap tiga minggu, dan beberapa jam sebelum ditahan.

Wanita itu akan mendapatkan dadah menerusi Telegram, dan dia dan teman lakinya yang berusia 41 tahun (yang turut ditangkap) akan mengambil dadah 'ice' bersama-sama, tambah Dr Faishal.

"Tidak dapat dibayangkan bahawa seorang ibu boleh meletakkan anak dalam kandungannya dalam risiko hanya kerana ingin memuaskan ketagihannya sendiri."

"Mungkin dia tidak menyedari risikonya, tetapi hakikatnya kita mempunyai satu lagi kes penyalahgunaan dadah sebelum kelahiran di sini," tulis Dr Faishal.

Beliau turut menegaskan bahawa dadah adalah "sangat berbahaya dan merosakkan" dan boleh menjejaskan perimbangan ibu dan naluri keibuan bagi melindungi anak dalam kandungan.

Kajian yang dilakukan Hospital Wanita dan Kanak-Kanak KK (KKH) awal tahun ini mendapati bahawa penyalahgunaan dadah sebelum kelahiran (perinatal) boleh menyebabkan komplikasi kehamilan, simptom ketagihan dan kecacatan kongenital pada bayi yang terjejas, dan komplikasi jangka panjang kepada perkembangan kanak-kanak itu.

Dalam satu serbuan lain yang dilakukan pada 20 November 2023, CNB juga telah memberkas dua suspek warga Singapura kerana disyaki mengedar dadah.

Suspek pertama, berusia 64 tahun, ditahan selepas pegawai CNB menyerbu sebuah unit kediaman di sekitar Redhill Close. Sekitar 81g heroin, 13g 'ice' turut ditemui, manakala wang tunai berjumlah \$22,580.15 juga dirampas.

Pegawai CNB juga telah menahan seorang lelaki berusia 52 tahun di tempat persembunyiannya yang terletak di sekitar Champions Way di mana sekitar 679g heroin dan 95g 'ice' dirampas dari tempat persembunyiannya tersebut.

Di bawah Seksyen 5 Akta Penyalahgunaan Dadah 1973, adalah menjadi satu kesalahan bagi seseorang, bagi dirinya, atau bagi pihak orang lain, sama ada orang itu berada di Singapura atau tidak, untuk mengedar dadah terkawal, menawan untuk mengedar dadah terkawal; atau untuk melakukan atau menawarkan untuk melakukan atau jua perbuatan menyedai atau dengan tujuan mengedar dadah terkawal.

Jika seseorang itu didapati bersalah mengedar lebih daripada 15 gram heroin tulen, dia mungkin menghadapi hukuman mati mandatori.

Siasatan terhadap kesemua suspek sedang dijalankan.

Berita Harian
Segalanya Di Hujung Jari Anda

Anda hanya perlu ambil dan baca

Penghantaran surat khabar ke alamat anda setiap hari



PAKEJ SEMUA-DALAM-SATU BH

Hanya **\$18.99** /sebulan

- ✓ Kiriman surat khabar melalui peti surat atau depan pintu bergantung pada kawasan kediaman
- ✓ Baca BH secara digital di BH.sg atau aplikasi BH melalui 4 peranti
- ✓ Akses kepada e-akhbar dengan arkib 2-minggu



Imbas kod QR atau layari bhsph.com.sg/akhbar-bh atau hubungi **6388 3838** untuk melanggan.

*Tidak termasuk bayaran penghantaran bulanan \$3/\$4/\$5 bergantung pada jenis kediaman anda. Tertakluk pada terma dan syarat. Talian Khidmat Pelanggan kami beroperasi dari Isnin hingga Jumaat, 8.30 pagi hingga 6 petang. Tidak termasuk hari Cuti Umum.